



MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN

## NOTIS PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

MERUJUK KEPADA ARAHAN KERAJAAN NEGERI DAN SELARAS DENGAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN FASA 3 SEBAGAIMANA YANG TELAH DITETAPKAN OLEH KERAJAAN PERSEKUTUAN BERKUATKUASA 15 APRIL 2020 (RABU) SEHINGGA 28 APRIL 2020 DAN LANJUTAN PKP FASA 4 SEHINGGA 12 MEI 2020 ATAU TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DILANJUTKAN, SEMUA AKTIVITI PERNIAGAAN DI DAERAH KEMAMAN ADALAH DIKEKALKAN.

SEMPENA BULAN RAMADHAN 1441H BEBERAPA SYARAT TAMBAHAN TELAH DITETAPKAN DIMANA PERKHIDMATAN PENGHANTARAN (RUNNER) DIBENARKAN DENGAN SYARAT-SYARAT BERIKUT:-

PENGHANTAR ( <i>RUNNER</i> )	KAWALAN PENDAFTARAN	YURAN	WAKTU OPERASI	
			MAKANAN SIAP	PRODUK LAIN
<b>PERSENDIRIAN</b> (PREMIS PERNIAGAAN YANG BERLESEN DENGAN MPK SAHAJA)	MPK <a href="http://runnermpk.mysoft.care">http://runnermpk.mysoft.care</a>	RM30.00 (PER ORANG) (SEBULAN)	3.00PM - 7.00 PM	7.00AM - 7.00 PM
<b>GANUSHOP</b>	YPU (APLIKASI GANUSHOP)	PERCUMA		

- \*PERMOHONAN INI DIISI OLEH PEMILIK PREMIS UNTUK MELANTIK *RUNNER* YANG BERKELAYAKAN.
- \*JARAK PERGERAKAN ADALAH DALAM LINGKUNGAN 10KM
- \*TIDAK MELEBIHI SEMPADAN DAERAH

NOTA: ARAHAN INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA PERUBAHAN DARI MASA KE SEMASA.

**TARIKH BERKUATKUASA : 24 APRIL 2020**

ARAHAN  
YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN



## **SOALAN LAZIM ( FAQ ) BERKAITAN PERKHIDMATAN PENGHANTARAN DI DAERAH KEMAMAN**

### Soalan 1:

Saya berhasrat menjalankan perniagaan menjual ayam pusing, kueh muih, lauk pauk di tepi Jalan berhadapan rumah saya sendiri, adakah dibenarkan atau tidak oleh Majlis?

### **Jawapan:**

**Tidak boleh, sebarang bentuk jualan dihadapan rumah atau bahu Jalan tidak dibenarkan sepanjang tempoh PKP**

### Soalan 2 :

Saya berhasrat menjalankan perniagaan pada bulan puasa dengan memasak dirumah saya sendiri dan menjual secara online adakah saya boleh beroperasi dan menggunakan khidmat penghantaran.

### **Jawapan:**

**Boleh beroperasi dengan menggunakan khidmat penghantaran berdaftar dengan YPU melalui GanuShop**

### Soalan 3 :

Saya mempunyai restoran dan mempunyai lesen dengan Majlis, pada bulan puasa ini saya berhasrat membuka perniagaan saya dengan kaedah menjual secara bungkus, adakah saya boleh beroperasi dan dengan menggunakan staf saya sendiri sebagai penghantar.

### **Jawapan:**

**Restoran yang berlesen dengan Majlis boleh menjalankan perniagaan pada bulan Puasa dengan kaedah secara bungkus atau bawa balik manakala perkhidmatan penghantaran oleh pekerja restoran pekerja tersebut perlu berdaftar dengan pihak Majlis melalui aplikasi online.**

Soalan 4 :

Saya menjalankan perniagaan makanan segera ( fast food ) dan mempunyai khidmat penghantaran sendiri, adakah perlu saya mendaftar sekali lagi dengan mana . mana agensi berkaitan khidmat penghantaran saya ini.

**Jawapan:**

**Mana – mana syarikat *E – Hailing* yang telah berdaftar seperti Food Panda dan Grab Food termasuk perkhidmatan penghantaran oleh perniagaan makanan segera seperti KFC, Pizza Hut tidak perlu mendaftar semula dengan melalui PBT ataupun YPU.**

Soalan 5 :

Saya telah berdaftar dengan Majlis bagi perkhidmatan penghantaran. Adakah saya perlu melayari mana-mana aplikasi agensi kerajaan yang lain bagi memastikan kawalan covid19?

**Jawapan:**

**Semua penghantar yang berdaftar dengan PBT, boleh menjalankan aktiviti perniagaan dengan pematuhan syarat yang ditetapkan semasa PKP dan syarat dari masa ke semasa. Walaubagaimanapun, penghantar dikehendaki juga untuk melayari aplikasi MySejahtera melalui pautan [mysejahtera.malaysia.gov.my](https://mysejahtera.malaysia.gov.my) bagi membantu memutuskan rantai jangkitan Covid-19.**

Soalan 6 :

Saya telah berdaftar sebagai penghantar makanan, adakah saya perlu membuat suntikan typhoid sepanjang menjalankan perkhidmatan ini.

**Jawapan:**

**Tidak perlu. Suntikan typhoid disyaratkan kepada pengendali makanan sahaja yang terlibat dalam proses penyediaan makanan manakala perkhidmatan penghantaran makanan tidak terlibat dengan penyediaan makanan.**

Soalan 7:

Saya adalah seorang yang terlibat secara langsung dengan perkhidmatan penghantaran makanan yang berdaftar secara sah, bilakah waktu yang saya boleh beroperasi.

**Jawapan:**

**Waktu pengoperasian yang dibenarkan untuk *penghantaran* adalah bermula Jam 3.00 petang hingga 7.00 malam bagi produk makanan manakala 7.00 pagi hingga 7.00 petang bagi produk bukan makanan.**

Soalan 8 :

Saya seorang penghantar yang berdaftar dalam kawasan Majlis Perbandaran Kemaman, Bolehkah saya menghantar barangan/tempahan di Daerah Dungun?

**Jawapan:**

**Tidak boleh, Syarat penghantaran adalah meliputi kawasan lingkungan 10 km sahaja dan tidak boleh melepasi Daerah lain.**

Soalan 9 :

Saya menjalankan perniagaan secara penghantaran dari rumah dengan mendirikan kanopi dihadapan rumah bagi kegunaan meletakkan makan/jualan yang akan dihantar oleh penghantar, adakah iainya dibenarkan atau tidak.

**Jawapan:**

**Dibenarkan dengan syarat bagi kegunaan untuk meletakkan barang penghantaran sahaja dan bukan sebagai tapak jualan.**